



Persatuan Pengguna Pulau Pinang
Consumers Association of Penang
檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
(in English, BM, Chinese,
& Tamil)
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Kenyataan Akhbar

3 Mac 2023

CAP: Undang-undang Tanda Harga mestilah dikuatkuasakan

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menguatkuasakan Akta Kawalan Harga 1946 Pindaan 1973, Seksyen 8 (1) yang mewajibkan peniaga mempamerkan tanda harga pada barangan yang dimaksudkan untuk dijual.

Tinjauan biasa kami di sekitar Pulau Pinang menunjukkan bahawa ramai peniaga secara terang-terangan melanggar Akta Kawalan Harga. Tinjauan ini meliputi gerai makanan, pasar basah, gerai pasar malam, restoran dan kedai runcit.

Pesalah utama adalah gerai di mana harga minuman dan makanan yang dijual tidak mempunyai senarai harga atau petunjuk harga yang dipamerkan.

Kedua dalam senarai pesalah ini adalah restoran di mana petunjuk harga tidak dikemas kini dan dengan itu mengelirukan pelanggan mereka untuk dipercayai bahawa makanan itu dikekalkan pada harga lama.

Dengan tidak memaparkan harga yang betul, pengguna biasanya "ditipu" apabila membayar pesanan atau pembelian mereka.

Menurut Akta adalah menjadi tanggungjawab penjual untuk memaklumkan kepada pembeli mengenai harga. Namun, kekurangan penguatkuasaan menghalang keberkesanan undang-undang ini.

Sehubungan itu, CAP menyeru Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, untuk mengambil tindakan tegas dan menguatkuasakan undang-undang ini dengan tegas mengikut Seksyen 8 (1) Akta Kawalan Harga 1946, Pindaan 1973 dan mendakwa semua mereka yang melakukan kesalahan.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)